

'Saya rasa gembira'

UM - 12/6/2007

SUBANG 11 Jun - "Saya rasa gembira." Itulah ungkapan ringkas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada wartawan yang bertanyakan apakah perasaannya apabila diiringi isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah ketika mengikuti program rasmi di luar negara.

Abdullah dan Jeanne yang berlepas ke Brunei petang ini bersalaman dengan lebih 100 orang yang menunggu di Bilik Orang Kenamaan, Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini bagi mengucapkan tahniah dan selamat jalan kepada mereka berdua.

Ketika berbual, Abdullah sempat menyebut perkataan "seronok... seronok" apabila ada di kalangan orang ramai yang bersalaman mengambil kesempatan mengusiknya dengan ungkapan: "Apakah perasaan Pak Lah?"

Beliau segak memakai kot biru gelap manakala Jeanne berbaju kurung berwarna coklat muda dengan corak batik.

Mereka kelihatan ceria. Jeanne hanya tersenyum men-

dengar usikan berkenaan.

Abdullah diijabkabulkan dengan Jeanne di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana, di Putrajaya oleh Imam Masjid Putra, Abdul Manaf Mat Sabtu lalu.

Jet eksekutif kerajaan yang membawa mereka berdua menghadiri program rasmi di Brunei berlepas kira-kira pukul 3.20 petang.

Di sana, Perdana Menteri dijadualkan menghadiri Majlis Persantapan Diraja sempena perkahwinan puteri Sultan Brunei, Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Pengiran Khairul Khalil Pengiran Syed Jaafari di Bandar Seri Begawan malam ini.

Turut hadir mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin; Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor dan Ketua Penerangan UMNO, Senator Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Hadir sama ialah dua anak perempuan Jeanne iaitu Nadiah dan Nadene.